

Latihan Peribahasa

Petikan 1

Baca petikan di bawah dengan telitinya, kemudian kemukakan tiga peribahasa yang terdapat dalam petikan ini.

Apabila bercakap tentang sesuatu perkara yang sulit itu, kita hendaklah berhati-hati kerana cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar. Dalam hal ini, usahlah kita mendedahkan rahsia orang lain, sebaliknya kita perlu menyimpannya ibarat biar pecah perut, jangan pecah mulut bagi menjaga aibnya. Sama juga halnya tentang rahsia atau aib keluarga kita. Kita tidak sepatutnya menceritakan aib keluarga kita kepada orang lain ibarat membuka pekung di dada di akhirnya kita sendiri yang akan mendapat malu.

Bil	Peribahasa
1	
2	
3	

Praktis 2

Baca ayat-ayat di bawah dengan telitinya dan kemudian kemukakan tiga peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam ayat-ayat ini.

1. Orang yang suka menipu akhirnya akan menerima akibatnya pada suatu hari nanti.

2. Peperangan akan mendatangkan kerugian kepada semua pihak sama ada pihak yang menang atau pihak yang kalah.

3. Satu keadaan atau kerosakan yang tidak boleh dibaiki lagi.

Praktis 3

Bina ayat berdasarkan peribahasa yang diberikan di bawah ini.

1. Anak emas

2. Bagai isi dengan kuku

3. Masuk ke telinga kanan, keluar ke telinga kiri

Praktis 4

Isi tempat kosong di bawah ini dengan peribahasa yang sesuai.

1. Nasib Masitah seperti _____ kerana telah mengalami kemalangan jalan raya, keretanya pula dicuri orang.
2. Rahmat bekerja dengan bertungkus lumus untuk bekalan masa depan kerana baginya _____
3. Percakapannya yang lemah lembut itu membuktikan bahawa dia seorang yang baik kerana _____

Praktis 5

Berikan maksud setiap peribahasa di bawah ini.

1. Untung sabut timbul, untung batu tenggelam

2. Seperti pahat dengan penukul

3. Atas pagar